

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK LIEW VUI KEONG (BATU SAPI)

SOALAN

DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan usaha penting menubuhkan satu Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri telah membuat keputusan dasar bahawa penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) akan diteruskan. Rang undang-undang baharu yang sedang digubal telah mengambil kira Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) RUU IPCMC, pihak-pihak berkepentingan terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta hasil lawatan delegasi Malaysia ke United Kingdom pada bulan Februari 2020 yang lalu.

Bagi tujuan ini, RUU IPCMC yang telah dibuat bacaan kali pertama di Dewan ini akan ditarik semula oleh Menteri Undang-Undang selaku Menteri yang menjaga RUU tersebut.